

KARANGAN FORMAT RESUME (1)

Permohonan Pekerjaan sebagai Penolong Pengurus Khidmat Pelanggan

Nama : Dhabitah binti Sabri

Kelulusan : Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perkhidmatan Pelanggan, Universiti Teknologi Mara (UiTM)

Pengalaman Kerja

Saya pernah berkhidmat sebagai Pegawai Khidmat Pelanggan di Pasar Raya Giant, Seremban selama dua tahun iaitu bermula pada tahun 2014 hingga 2016. Pada November 2016, saya bertugas dalam jawatan yang sama di Pasar Raya Tesco Kajang yang sudahpun bertukar namanya kepada Pasar Raya Lotus's sehingga sekarang.

Potensi Diri

Saya seorang yang suka akan cabaran dan tahan bekerja di bawah tekanan. Saya juga boleh memimpin serta dipimpin. Saya sentiasa bersedia untuk bekerja dalam kumpulan. Bukan itu sahaja, saya juga sudah dibiasakan bekerja secara syif.

Kemahiran

Saya boleh mengendalikan aduan pelanggan sama ada secara berdepan mahupun secara dalam talian. Sebarang aduan dan rungutan pihak pelanggan pasti akan saya ambil secara serius dengan membuat laporan segera. Setiap aduan yang beremosi, saya dapat tangani dengan tenang dan mendapat pengakhiran komunikasi yang baik.

Kemahiran Bahasa

Saya boleh berkomunikasi bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dengan fasih. Ketika saya menuntut di UiTM, saya mempelajari bahasa ketiga iaitu bahasa Mandarin.

Anugerah

Pada tahun 2016 dan 2018, saya memenangi Anugerah Pekerja Cemerlang Pasar Raya Giant, Seremban. Pada tahun 2019, saya memperoleh dua anugerah iaitu Anugerah Khidmat Cemerlang Tesco dan Anugerah Khas kerana tidak mengambil sebarang cuti sakit pada tahun tersebut.

Alamat untuk dihubungi :

No. 107 Taman Cendana,
Jalan Kasturi 2/1,
70300 Seremban,
Negeri Sembilan
dhabitah@gmail.com

Individu rujukan :

Encik Hasnan bin Mat Ngah
Ketua Eksekutif Khidmat Pelanggan The Lotus's Kajang
03-2118118

Love,
Zack Kirana